



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
AWAM JOHOR

LAPORAN TAHUNAN 2020

spaj.johor.gov.my

LAPORAN TAHUNAN **SPAJ**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR

2020

spaj.johor.gov.my





SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Dato' Haji Marsan bin Kassim

PENASIHAT

Haji Mohd Nazid bin Jasiman

KETUA SIDANG REDAKSI

Datin Hajah Kasmah binti Kasno

SIDANG REDAKSI

Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

Norhaizah binti Osman

Md Fadil bin Misran

Zaharah binti Othman

Farah Aqilah binti Mohd Fauzy

JURUFOTO

Abdul Rahman bin Hashim

KERJASAMA

Ahli-Ahli Suruhanjaya

PENGHARGAAN

Bahagian Pengambilan, Perkhidmatan


dan Pentadbiran

Bahagian Pengurusan Maklumat



KANDUNGAN

Visi dan Misi	4
Perutusan Pengerusi	6
Kata Aluan Setiausaha	8
Ringkasan Eksekutif	10
Latar Belakang SPAJ	14
Ahli-Ahli Suruhanjaya	16
Urus Setia Suruhanjaya	18
Pusat Temuduga	24
Kaedah Pengambilan	28
Urusan Pelantikan	32
Urusan Perkhidmatan	38
Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib	46
Mesyuarat Suruhanjaya	50
Laporan Perbelanjaan	52
Pengurusan Maklumat	56
Aktiviti Suruhanjaya	62
Penghargaan	86





VISI

Menjadi agensi berwibawa dalam urusan pelantikan dan pengurusan perkhidmatan penjawat awam negeri Johor.

MISI

Melantik anggota perkhidmatan awam yang berkualiti dan menguruskan hal ehwal perkhidmatan secara cekap dan terbaik bagi memenuhi keperluan negeri Johor.



PERUTUSAN PENGERUSI



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Salam Makmur Johor.

Saya merafakkan kesyukuran ke-Hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) bagi tahun 2020 telah berjaya disediakan bagi memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Laporan Tahunan 2020 ini disediakan bagi tujuan membentangkan segala aktiviti dan pencapaian yang telah diperolehi di sepanjang tahun berdasarkan fungsi Suruhanjaya ini iaitu melantik, mengesahkan jawatan, memasukkan dalam jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Pada awal tahun 2020, dunia telah digegarkan dengan wabak COVID-19. Negara Malaysia antara negara yang turut menerima penularan pandemik itu dan Negeri Johor juga secara langsung menerima kesan akibat penularan wabak tersebut. Pihak Kerajaan telah mengambil langkah prihatin terhadap keselamatan rakyat dan Negara maka, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuasakan bermula 18 Mac 2020 demi mengekang penularan pandemik itu. PKP telah memberikan impak besar kepada kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Malah, hidup rakyat turut terkesan lebih-lebih lagi apabila perlu mengadaptasi kebiasaan baharu dan mematuhi pelbagai prosedur operasi standard (SOP). Situasi yang berlaku ini telah memberi impak yang ketara terhadap pengurusan pelaksanaan fungsi SPAJ.

Berbekalkan iltizam dan sebagai sebuah agensi yang berperanan menjadi pintu gerbang perkhidmatan awam Johor, SPAJ komited dan mengambil inisiatif untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatannya dengan memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menjurus kepada perkhidmatan dalam talian berbentuk hujung ke hujung 'end to end' (E2E). Melalui kaedah ini, segala urusan pelaksanaan 'core business' di SPAJ boleh dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir proses, boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana saja.

Usaha pihak Suruhanjaya meningkatkan perkhidmatan E2E ini akan terus dilaksanakan walaupun beberapa cabaran perlu dihadapi bagi memastikan proses pengambilan dan pelantikan penjawat awam Negeri dilaksanakan dengan lebih cekap. Di samping itu, inisiatif SPAJ ini juga *'in line'* dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam memastikan 'Agenda Johor Digital' terlaksana. Perubahan minda daripada amalan konvensional yang masih memerlukan calon atau pemohon berkunjung ke kaunter, membuat permohonan secara manual dan sebagainya wajar diubah kepada kebiasaan baharu dengan memperkasakan penggunaan sistem secara dalam talian.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu SPAJ menjayakan fungsi yang diamanahkan kepadanya. Semoga segala usaha yang kita lakukan diberkati oleh Allah S.W.T juga.

Salam hormat dan maju jaya.

DATO' HAJI MARSAN BIN KASSIM
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



"Suruhanjaya komited untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam talian berbentuk 'end to end' dalam segala urusan pelaksanaan 'core business' SPAJ, sejajar dengan aspirasi Kerajaan Negeri bagi memastikan 'Agenda Johor Digital' tercapai"

KATA ALUAN SETIAUSAHA



KATA ALUAN SETIAUSAHA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Pertamanya saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya juga dapatlah saya menyampaikan ucapan aluan di dalam Laporan Tahunan 2020 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor. Penerbitan laporan ini adalah selaras dengan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Tahun 2020 merupakan tahun penuh cabaran akibat penularan pandemik Covid-19. Oleh itu, Pentadbiran Suruhanjaya telah menyesuaikan kaedah pelaksanaan fungsi melalui norma baharu dan pendekatan secara atas talian. Pada tahun 2020, sebanyak 31,419 permohonan telah diterima melalui sistem *JohorCareer* dengan 4,535 orang calon telah dipanggil temu duga dan sebanyak 372 orang calon berjaya telah dilantik dalam pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Program Penilaian Khas Pengambilan Pegawai Tadbir Gred 41 juga telah dapat dilaksanakan secara bersempua dan secara atas talian.

Bagi urusan perkhidmatan, Suruhanjaya ini telah menambahbaik dan mengedarkan garis panduan permohonan Penentuan Gaji Permulaan kepada semua Jabatan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya bagi memudah dan menyeragamkan kaedah dan prosedur sedia ada.

Selain itu, pentadbiran ini dengan kerjasama Pejabat SUK Bahagian Sains dan ICT Johor juga sedang membangunkan sistem baharu iaitu eSPAJ bagi menggantikan sistem *JohorCareer* yang dijangka siap pada Ogos 2021. Pembangunan sistem eSPAJ bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan Suruhanjaya selaras dengan ekspektasi Kerajaan Negeri dan tuntutan semasa.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Johor, Pengurus dan Ahli-Ahli Suruhanjaya, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh anggota Pentadbiran Suruhanjaya yang telah memberi pandangan, idea dan kerjasama yang sangat baik dalam membantu pentadbiran ini memastikan visi dan misi Suruhanjaya dapat dizahirkan secara tuntas.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalammu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TUAN HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor



"Pembangunan sistem eSPAJ bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan Suruhanjaya selaras dengan ekspektasi Kerajaan Negeri dan tuntutan semasa."

RINGKASAN EKSEKUTIF



RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Seksyen 17, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan salinannya dibentangkan di dalam Dewan Negeri.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959. Suruhanjaya sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota di dalam perkhidmatan awam Johor selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

Dalam melaksanakan semua fungsi Suruhanjaya, Seksyen 4 (2), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli. Ahli Suruhanjaya dibantu oleh urus setia yang diketuai oleh seorang Setiausaha.


Bagi tahun 2020 di bawah kepala Tanggungan T.02, Suruhanjaya telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM645,000.00. Perbelanjaan tersebut adalah untuk perbelanjaan emolumen, bekalan dan perkhidmatan. Sehingga 31 Disember 2020 jumlah perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM446,645.47.

Dibawah maksud Bekalan B.01, Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM1,259,000.00. Daripada jumlah tersebut, peruntukan emolumen adalah sebanyak RM923,700.00. Bekalan, perkhidmatan, aset, pemberian & kenaan tetap sebanyak RM335,300.00. Perbelanjaan sebenar sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM1,232,635.26.


Sepanjang tahun 2020, Suruhanjaya telah menjalankan urusan kerja dan tindakan-tindakan yang dilakukan selaras dengan bidang kuasa dan tugas yang dijalankan oleh SPAJ. Urusan-urusan ini termasuk Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan, Urusan Kenaikan Pangkat, Urusan Tatatertib dan Mesyuarat-Mesyuarat Suruhanjaya.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH
URUSAN PELANTIKAN		
1.	Bilangan permohonan diterima	31,419
2.	Bilangan urusan pengambilan	12
3.	Bilangan pelantikan tetap	372
4.	Bilangan pelantikan kontrak	82
URUSAN PERKHIDMATAN		
5.	Bilangan pengesahan pelantikan	397
6.	Bilangan pengesahan dalam perkhidmatan	259
7.	Bilangan pelanjutan tempoh percubaan	9
8.	Bilangan pemberian taraf berpencen	373
9.	Bilangan pembatalan tawaran pelantikan	0
10.	Bilangan penamatan perkhidmatan	0
11.	Bilangan penentuan gaji permulaan	31
12.	Bilangan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri	1
URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB		
13.	Bilangan kenaikan pangkat	0
14.	Bilangan rayuan kenaikan pangkat	0
15.	Bilangan tindakan tatatertib	0
16.	Bilangan rayuan tatatertib	6
URUSAN MESUARAT		
17.	Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya	10
18.	Bilangan Mesyuarat Khas	1
19.	Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	2



LATAR BELAKANG SPAJ



LATAR BELAKANG SPAJ

PENUBUHAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ) telah ditubuhkan mengikut Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 (Bil. 4 Tahun 1959) bertarikh 19 April, 1959.

OBJEKTIF DAN TUGAS SURUHANJAYA

Selaras dengan peruntukan di Seksyen 11(1), Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab bagi:

- Melantik
- Mengesahkan
- Memasukkan ke dalam jawatan tetap atau jawatan berpencen
- Menaikkan Pangkat
- Menukar
- Menjalankan Kawalan Tatatertib ke atas pegawai yang berada di dalam Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2(1) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959.

AHLI-AHLI SURUHANJAYA



AHLI-AHLI SURUHANJAYA



PENGENALAN

Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di bawah Seksyen 4 (2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959. Ahli Suruhanjaya yang sedang berkhidmat adalah sebagaimana berikut:

PENGERUSI

1. YB Dato' Haji Marsan bin Kassim

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

2. YB Dato' Haji Abd. Razak bin Hassan (meletak jawatan pada 31 Mei 2020 atas sebab kesihatan)
3. Tuan Haji Norizan bin Kulob
4. Tuan Haji Muji bin Salimon
5. Tuan Haji Ramly bin Jusoh

URUS SETIA SURUHANJAYA



URUS SETIA SURUHANJAYA




1. Setiausaha - Tuan Haji Mohd Nazid bin Jasiman
2. Penolong Pegawai Tadbir - YDH Datin Hajah Kasmah binti Kasno
3. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar
4. Pembantu Tadbir Kanan - Encik Md Fadil bin Misran

PENGENALAN

Urus setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir N29 serta 13 orang pegawai sokongan pelbagai jawatan dan gred. Pejabat urus setia Suruhanjaya terletak di Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

CARTA ORGANISASI

URUS SETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR





Barisan hadapan:

Tuan Haji Mohd Nazid bin Jasiman

Barisan kedua dari kiri:

YDH Datin Hajah Kasmah binti Kasno, Encik Mohamed Faizal bin Abdul Ansar

Barisan ketiga dari kiri:

Cik Farah Aqilah binti Mohd Fauzy, Cik Nur Faizah binti Abd. Mutualib, Puan Noratikah binti Zainuddin, Puan Faiza binti Saman, Cik Ili Syazwani binti Mohd Said, Encik Mohd Parhan bin Jamal

Barisan keempat dari kiri:

Encik Muhammad Afiq bin Ja'afar, Encik Nur Arif bin Ahmad, Puan Durra Yasmin binti Mohamad, Puan Nur Afifah binti Md Salleh, Encik Mohd Fadzlin bin Zakaria

Barisan kelima dari kiri

Cik Nurain Najwa binti Hirman, Puan Nur A'esyah binti Rahim, Puan Syuhaiza binti Abdul Shukor

Barisan keenam dari kiri:

Encik Abdul Rahman bin Hashim, Puan Norhafizah binti Osman, Puan Zaharah binti Othman, Encik Mohd Amirul Shah bin Mohamad dan Encik Md. Fadil bin Misran

FUNGSI BAHAGIAN

BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran dan Kewangan

- Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran am yang berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan, perjawatan kakitangan dan menguruskan belanjawan, kewangan am, pelupusan inventori dan harta modal jabatan.

Unit Pengambilan dan Perkhidmatan

- Melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 11 hingga 40 ke dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.
- Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi:
 1. Pengesahan Pelantikan.
 2. Pengesahan Dalam Perkhidmatan.
 3. Pelanjutan Tempoh Percubaan.
 4. Pemberian Taraf Berpencen.
 5. Penentuan Gaji Permulaan.
 6. Pertukaran Perkhidmatan.
 7. Penamatan Perkhidmatan.
 8. Pelantikan dan penyambungan perkhidmatan kontrak
- Melaksanakan urusan Rayuan Kenaikan Pangkat bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- Melaksanakan urusan dan Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan.
- Menguruskan Kenaikan pangkat bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri Johor.
- Menguruskan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

- Bertanggungjawab dalam membangun dan menyelenggara sistem perkomputeran yang meliputi aplikasi, infrastruktur rangkaian, peralatan dan perisian komputer.
- Membuat penyelenggaraan ke atas komputer yang telah dibekalkan serta memastikan peralatan ICT tersebut dalam keadaan yang baik.
- Mentadbir dan mengurus rangkaian dan keselamatan ICT.



PUSAT TEMU DUGA SPAJ



PUSAT TEMU DUGA SPAJ

Bagi melancarkan urusan temu duga dan keselesaan kepada calon, maka SPAJ menjalankan aktiviti temu duga bukan sahaja di ibu pejabat yang terletak di Kota Iskandar, Johor Bahru tetapi juga di daerah-daerah di negeri Johor. Pusat-pusat temu duga tersebut adalah seperti berikut:

PUSAT TEMU DUGA KOTA ISKANDAR



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman
Andak, Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri

PUSAT TEMU DUGA DAERAH MUAR



PEJABAT DAERAH MUAR

PEJABAT TANAH MUAR

Jalan Peteri,
Taman Sri Tanjung,
84000 Muar, Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH BATU PAHAT



PEJABAT DAERAH BATU PAHAT
PEJABAT TANAH BATU PAHAT

Bangunan Tunku Mahkota Ibrahim Ismail,
Jalan Bakau Chondong,
83000 Batu Pahat, Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH KLUANG



PEJABAT DAERAH KLUANG

Tingkat 1, Jalan Pejabat Kerajaan 1,
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
86000 Kluang, Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH SEGAMAT



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
1, Jalan Abdullah, Kampung Gubah,
85000 Segamat, Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH KOTA TINGGI



PEJABAT DAERAH KOTA TINGGI
Aras 2, Bangunan Sultan Iskandar
81900 Kota Tinggi, Johor



PUSAT TEMU DUGA DAERAH PONTIAN



PEJABAT TANAH PONTIAN
Aras Bawah,
Bangunan Sultan Ismail
82000 Pontian, Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH KULAI




PEJABAT DAERAH KULAI
Tingkat 2,
Jalan Pejabat Kerajaan
81000 Johor

PUSAT TEMU DUGA DAERAH MERSING



PEJABAT DAERAH MERSING
Aras 1 & 2, Kompleks Pejabat-Pejabat
Kerajaan, Jalan Ibrahim,
86800 Mersing, Johor





KAEDAH PENGAMBILAN



KAEDAH PENGAMBILAN

URUSAN PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan di dalam Portal *JohorCareer*. Bagi tahun 2020 Suruhanjaya telah membuat dua (2) pengiklanan bagi dua belas (12) Skim Perkhidmatan dengan kekosongan sebanyak 372 jawatan.

TAPISAN CALON

Kaedah pengambilan yang biasa dilakukan oleh SPAJ adalah calon perlu melalui dua proses saringan sebelum ditawar lantikan iaitu tapisan awal dan temu duga. Walau bagaimanapun bagi beberapa jawatan tertentu, proses saringan melibatkan empat proses iaitu:

1. Tapisan Awal

Calon-calon yang memohon dan mendaftar secara online dengan SPAJ bagi jawatan berkenaan akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat / Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan yang dipohon.

(a) Peperiksaan

Peperiksaan online bagi jawatan-jawatan tertentu telah diadakan mulai tahun 2015 dengan kerjasama daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Masa dan tarikh yang ditetapkan akan dimaklumkan kepada calon mengikut kesesuaian bagi menduduki peperiksaan tersebut. Komponen penilaian dalam peperiksaan ini termasuk pengetahuan dari segi kenegaraan, pengetahuan am, pengurusan organisasi, pengetahuan mengenai bidang kerja, budaya dan ekonomi negeri dan kebolehan berfikir.

(b) Penilaian Kompetensi

i. Penilaian Khas Kemasukan Pegawai Tadbir Gred N41

Bagi jawatan-jawatan tertentu seperti jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, calon-calon yang melepassi tapisan peperiksaan akan melalui sesi penilaian khas. Pada sesi ini, calon akan dinilai dari segi kompetensi yang melibatkan sikap produktif, kreatif, inovatif, pemudahcara, integriti dan tindak balas yang cepat dan ada ciri berfikir dan bertindak dalam menghasilkan kerja yang teratur, betul dan sempurna. Sesi ini juga melibatkan penilaian dari segi kecergasan, pengucapan awam dan latihan dalam kumpulan bagi jawatan tersebut.


ii. Ujian Pemanduan

SPAJ menjalankan Ujian Teori dan Amali bagi calon-calon yang memohon jawatan Pemandu Kenderaan Gred H11 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Ujian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Ujian Teori dan Amali. Ujian teori mengandungi soalan objektif manakala ujian amali merupakan ujian pemanduan berhemah yang menekankan sebelum, semasa dan selepas kenderaan bergerak. Ujian amali mengandungi dua bahagian iaitu Rutin Pemeriksaan Kenderaan (RPK) dan ujian jalan raya.

TEMU DUGA

SPAJ menjalankan temu duga dengan tujuan dapat bersemuka dan menilai calon-calon berdasarkan kompetensi dan kebolehan bagi memastikan calon yang dipilih memang yang terbaik dan tepat untuk menyandang jawatan sebagai penjawat awam. Buat masa ini kaedah penilaian akan dinilai mengikut tingkah laku, cara berfikir dan kebolehan serta keupayaan calon untuk menjawab dan menilai sesuatu isu atau fakta yang dikemukakan.





URUSAN PENGAMBILAN



PENGENALAN

Pelantikan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor merupakan salah satu daripada beberapa fungsi Suruhanjaya. Suruhanjaya melaksanakan urusan pelantikan melalui pengeluaran iklan perjawatan di akhbar dan dalam Sistem *JohorCareer*. Suruhanjaya melaksanakan proses pengambilan berdasarkan permohonan pengisian jawatan yang diterima daripada jabatan melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Pada tahun 2020, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya adalah sebanyak 31,419. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,535 calon berjaya melepas tapisan dan dipanggil temu duga. Daripada jumlah yang dipanggil temu duga, seramai 3,403 telah menghadiri temu duga dan seramai 372 orang telah dilantik dan ditawarkan Pelantikan Tetap.

Seramai 1,876 calon telah dilantik secara kontrak yang mana urusan permohonan dan temu duga dilaksanakan oleh jabatan masing-masing. Butiran terperinci adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.

JADUAL 1

Permohonan jawatan melalui sistem *JohorCareer* sepanjang tahun 2020 berbanding 2019.

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN
2020	31,419
2019	35,922

JADUAL 2

Bilangan Permohonan calon dipanggil temu duga, calon hadir temu duga, calon pelantikan tetap dan kontrak bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019.

TAHUN	STATUS LANTIKAN	JUMLAH PEMOHON	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BIL. PELANTIKAN
2020	Tetap	31,419	4,535	3,403	372
	Kontrak	1,876	284	246	82
2019	Tetap	35,922	3,997	2,882	402
	Kontrak				

PELANTIKAN TETAP

Sebanyak dua belas (12) urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pada tahun 2020. Urusan ini meliputi pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Bilangan pelantikan tetap ke perkhidmatan kerajaan pada tahun 2020 adalah seramai 372 calon. Daripada jumlah tersebut, seramai dua (2) calon bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala seramai 132 adalah daripada Kumpulan Pelaksana Gred 29-40 dan seramai 238 adalah dari Kumpulan Pelaksana Gred 19 dan ke bawah.



Maklumat bilangan pelantikan tetap mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 3.

JADUAL 3

Jadual Pecahan Mengikut Skim

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH PEMOHON	BIL. CALON MELEPASI TAPISAN DAN DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BIL. PELANTIKAN
1	Pegawai Teknologi Makanan	C41	2,292	81	69	2
2	Penolong Pegawai Pertanian	G29	3,154	318	263	37
3	Penolong Jurutera (Awam)	JA29	1,655	406	329	60
4	Penolong Pemilihara Hutan	G29	2,452	59	46	15
5	Penolong Pegawai Seni Bina	JA29	1,212	88	67	14
6	Penolong Pegawai Veterinar	G29	2,059	34	28	6
7	Pengawas Hutan	G19	2,025	50	47	32
8	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA19	1,096	86	46	3
9	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	4,303	566	449	18
10	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	7,156	2,134	1,540	79
11	Pembantu Veterinar	G19	2,894	328	165	6
12	Pemandu Kenderaan	H11	1,121	385	354	100
JUMLAH			31,419	4,535	3,403	372

PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor juga turut melaksanakan pelantikan baharu secara kontrak seramai tiga puluh enam (36) pegawai daripada pelbagai gred dan jawatan.

Maklumat bilangan pelantikan baharu secara kontrak mengikut skim jawatan adalah seperti di Jadual 4.



JADUAL 4

Bilangan Pelantikan Baharu Secara Kontrak Mengikut Skim Jawatan

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir	N41	1
2	Kurator	S41	2
3	Pegawai Undang-Undang	L41	1
4	Penolong Pegawai Tadbir / Setiausaha Pejabat	N29	1
5	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
6	Penbantu Tadbir (P/O)	N19	6
7	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	5
8	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	1
9	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	3
10	Pembantu Hal Ehwal Ekonomi	E19	1
11	Juruteknik Komputer	FT19	2
12	Pembantu Operasi	N11	10
13	Pemandu Kenderaan	H11	2
JUMLAH			36

SPAJ turut melaksanakan pelantikan semula secara kontrak seramai empat puluh enam (46) pegawai daripada pelbagai gred dan jawatan. Maklumat bilangan pelantikan baharu secara kontrak mengikut kumpulan jawatan adalah seperti di Jadual 5 manakala pecahan mengikut jawatan adalah sebagaimana Jadual 6.

JADUAL 5

Pelantikan Semula Secara Kontrak Mengikut Kumpulan Jawatan Bagi Tahun 2020

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	2020
1	Pengurusan Dan Profesional	2
2	Pelaksana	44
JUMLAH		46

JADUAL 6

Pelantikan Semula Secara Kontrak Mengikut Jawatan Dan Gred Bagi Tahun 2020

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Undang-Undang	L41	1
2	Pegawai Keselamatan	KP41	1
3	Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	1
4	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
5	Penbantu Tadbir (P/O)	N19	17
6	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	4
7	Pengawal Keselamatan	KP11	11
8	Pembantu Operasi	N11	7
9	Pembantu Awam	H11	3
JUMLAH			46

URUSAN PEPERIKSAAN UJIAN FIZIKAL DAN KOMPETENSI

Oleh kerana bilangan calon terlalu ramai yang memohon bagi mengisi kekosongan sesuatu jawatan, SPAJ telah menggunakan instrumen penilaian awal bagi menapis calon-calon untuk dipanggil ke peringkat temu duga. Di antara instrumen yang digunakan adalah peperiksaan, penilaian psikometrik, ujian fizikal dan kecergasan serta penilaian kompetensi.

Pada tahun 2020, sebanyak satu (1) urusan peperiksaan, dua belas (12) urusan ujian psikometrik, satu (1) urusan ujian fizikal dan kecergasan serta satu (1) urusan penilaian kompetensi telah dikendalikan. Butiran urusan adalah seperti di Jadual 7, 8, 9 dan 10.

JADUAL 7

Statistik Urusan Peperiksaan

BIL.	JAWATAN	TARIKH	JUMLAH CALON		
			PANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Pegawai Tadbir N41	25.9.2020	8,738	7,354	730

JADUAL 8

Statistik Urusan Ujian i-Psikologi

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH CALON	
			PANGGIL	HADIR
1.	Pegawai Teknologi Makanan	C41	81	69
2.	Penolong Pegawai Pertanian	G29	318	263
3.	Penolong Jurutera (Awam)	JA29	406	329
4.	Penolong Pemelihara Hutan	G29	59	46
5.	Penolong Pegawai Senibina	JA29	88	67
6.	Penolong Pegawai Veterinar	G29	34	28
7.	Pengawas Hutan	G19	50	47
8.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)	JA19	86	46
9.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	566	449
10.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	2,134	1,540
11.	Pembantu Veterinar	G19	328	165
12.	Pemandu Kenderaan	H11	385	354

JADUAL 9

Statistik Urusan Ujian Fizikal dan Pancaindera serta Ujian Kecergasan Pengenalan.

BIL	JAWATAN	GRED	TARIKH PEPERIKSAAN	JUMLAH CALON		
				PANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Pemandu Kenderaan	H11	7,8,9,13 & 14 September 2020	667	403	375




JADUAL 10

Statistik Urusan Pusat Penilaian Kompetensi (PAC)

BIL.	JAWATAN	GRED	TARIKH	JUMLAH CALON		
				PANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	19.9.2020	803	763	724
2.	Pegawai Tadbir	N41	25.9.2020	730	626	332



URUSAN PERKHIDMATAN





PENGENALAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai perkhidmatan awam negeri Johor di bawah bidang kuasa seperti berikut:

- Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan
- Pelanjutan Tempoh Percubaan
- Pemberian Taraf Berpencen
- Penetapan Gaji Permulaan
- Pertukaran Pelantikan
- Penamatan Perkhidmatan
- Pelantikan Kontrak

Bagi tahun 2020 sebanyak 1,070 urusan perkhidmatan telah dilaksanakan.

PENGESAHAAN PELANTIKAN

Pengesahan pelantikan merupakan proses mengesahkan pelantikan calon yang menerima tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan.

Suruhanjaya telah mengesahkan pelantikan untuk seramai 397 orang anggota perkhidmatan awam negeri Johor pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut 2 orang adalah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 395 pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pada tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 11.

JADUAL 11

Pengesahan Pelantikan Bagi Tahun 2020 Berbanding Tahun 2019

BIL.	KUMPULAN PERJAWATAN	2020	2019
1	Pengurusan dan Profesional	2	73
2	Pelaksana	395	86
JUMLAH		397	159

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Pelantikan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 12.



JADUAL 12

Pengesahan Pelantikan Mengikut Skim Perkhidmatan Tahun 2020

BIL.	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Teknologi Makanan	C41	2
2	Penolong Pegawai Tanah	NT29	7
3	Penolong Juruukur Bahan	JA29	1
4	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	7
5	Penghulu	NP29	9
6	Penolong Pegawai Veterinar	G29	12
7	Penolong Pegawai Pertanian	G29	35
8	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	18
9	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	281
10	Pembantu Veterinar	G19	25
JUMLAH			397

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang telah ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, layak dipertimbangkan untuk disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 29(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Suruhanjaya telah meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan untuk 259 pegawai pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut seramai 53 orang adalah pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 211 pegawai Kumpulan Pelaksana. Maklumat pada tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 13.

JADUAL 13

Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bagi Tahun 2020 Berbanding Tahun 2019

BIL.	KUMPULAN PERJAWATAN	2020	2019
1	Pengurusan dan Profesional	48	21
2	Pelaksana	211	386
JUMLAH			259
			407

Butiran terperinci kelulusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 14.



JADUAL 14

Pengesahan Dalam Perkhidmatan Mengikut Skim Perkhidmatan Tahun 2020

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir	N41	42
2	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	1
3	Pegawai Syariah	LS41	5
4	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	1
5	Penolong Jurutera	JA29	13
6	Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	5
7	Penolong Juruukur Bahan	JA29	2
8	Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	JA29	6
9	Penolong Pegawai Senibina	JA29	1
10	Penghulu	NP29	4
11	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	3
12	Penolong Pegawai Tanah	NT29	4
13	Penolong Akauntan	W29	2
14	Penolong Juruaudit	W29	1
15	Penolong Pegawai Tadbir	N29	15
16	Penolong Pegawai Pertanian	G29	8
17	Penolong Pegawai Teknologi Makanan	C29	7
18	Pembantu Kemahiran	H22	4
19	Pembantu Kemahiran	H19	4
20	Pembantu Hal Ehwal Islam	S19	1
21	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	10
22	Penyediaan Makanan	N19	1
23	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	26
24	Pembantu Veterinar	G19	4
25	Pengawas Hutan	G19	7
26	Pembantu Operasi	N11	9
27	Pembantu Awam	H11	50
28	Pengawal Keselamatan	KP11	2
29	Pemandu Kenderaan	H11	21
JUMLAH			259



PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan disebabkan tidak lulus peperiksaan yang disyaratkan, belum menghadiri Kursus Induksi /Program Transformasi Minda atau tidak mendapat perakuan dan sokongan ketua jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaannya. Kelulusan bagi tempoh percubaan ini adalah sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 30 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi tahun 2020 seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 8 pegawai Kumpulan Pelaksana telah dilanjutkan tempoh percubaan. Maklumat pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2019 adalah seperti di Jadual 15.

JADUAL 15

Pelanjutan Tempoh Percubaan Bagi Tahun 2020 Berbanding Tahun 2019

BIL.	KUMPULAN PERJAWATAN	2020	2019
1	Pengurusan dan Profesional	1	1
2	Pelaksana	8	15
	JUMLAH	9	16

Butiran terperinci kelulusan pelanjutan tempoh percubaan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2020 adalah sebagaimana Jadual 16.

JADUAL 16

Pelanjutan Tempoh Percubaan Mengikut Skim Tahun 2020

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Kurator	S41	1
2	Penolong Pegawai Tanah	NT29	2
3	Penolong Akauntan	W29	1
4	Penolong Juruaudit	W29	1
5	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	3
6	Penghantar Notis	N11	1
	JUMLAH		9

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan membuat opsyen tidak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah memilih skim pencen mengikut Akta Pencen 1980 (Akta 227) dan telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 38(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Sepanjang tahun 2020, Suruhanjaya telah meluluskan Pemberian Taraf Berpencen kepada 373 pegawai perkhidmatan awam negeri Johor. Pecahan pegawai mengikut kumpulan yang telah diberikan taraf berpencen pada tahun 2020 dan perbandingan dengan tahun 2019 adalah seperti di Jadual 17.



JADUAL 17

Pemberian Taraf Berpencen Tahun 2020 Berbanding Tahun 2019

BIL.	KUMPULAN PERJAWATAN	2020	2019
1	Pengurusan dan Profesional	10	2
2	Pelaksana	363	219
JUMLAH		373	221

Jadual 18 menunjukkan kelulusan Pemberian Taraf Berpencen mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2020.

JADUAL 18

Pemberian Taraf Berpencen Mengikut Skim Perkhidmatan Tahun 2020

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Tadbir	N41	1
2	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	6
3	Pegawai Syariah	LS41	3
4	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	DG29	76
5	Penolong Juruaudit	W29	1
6	Penolong Akauntan	W29	1
7	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
8	Penolong Pegawai Tanah	NT29	9
9	Penolong Jurutera	JA29	65
10	Penolong Pegawai Pertanian	G29	56
11	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S29	1
12	Penghulu	NP29	4
13	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	20
14	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	27
15	Pembantu Hal Ehwal Islam	S19	2
16	Pembantu Veterinar	G19	9
17	Pembantu Operasi	N11	46
18	Penghantar Notis	N11	18
19	Pemandu Kenderaan	H11	11
20	Pembantu Awam	H11	16
JUMLAH			373

PEMATUHAN SYARAT-SYARAT TAWARAN PELANTIKAN

Seseorang calon yang gagal mematuhi syarat-syarat pelantikan boleh dibatalkan tawaran pelantikan mengikut peraturan 20(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016 iaitu pemeriksaan kesihatan, Akuan Berkanun dan Surat Aku Janji.



PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah mematuhi syarat-syarat pelantikan iaitu tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan palsu dalam Akuan Berkanun, mematuhi kehendak dalam Surat Aku Janji dan tidak meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan pelantikannya.

Pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan dan tidak mematuhi syarat-syarat tersebut boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 48(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi Pegawai yang gagal tapisan keselamatan dalam tempoh percubaan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut peraturan 49 (1) di bawah peraturan yang sama. Manakala Pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh percubaan sama ada tidak mendapat perakuan sokongan Ketua Jabatan, tidak lulus peperiksaan atau gagal dalam kursus/ latihan yang disyaratkan untuk tujuan pengesahan dalam perkhidmatan pula boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 50(1) dan (2) di bawah peraturan yang sama.

Bagi pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu tetapi gagal disahkan dalam perkhidmatan yang lain boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut Peraturan 50(3) di bawah peraturan yang sama dan ianya hendaklah disifatkan sebagai penamatan demi kepentingan awam.

PENENTUAN GAJI PERMULAAN

Penentuan gaji permulaan seorang pegawai yang baharu dilantik buat kali pertama dalam perkhidmatan awam akan ditentukan gaji permulaan mengikut Jadual Gaji Skim Perkhidmatan yang dilantik seperti yang diperuntukan di bawah Peraturan 25 (1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016. Bagi pegawai yang dilantik buat kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan satu pergerakan gaji biasa atau gaji yang lebih tinggi bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan telah disahkan jawatannya dan kemudian dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, penentuan gaji permulaan pegawai berkenaan hendaklah pada satu mata gaji yang lebih tinggi seperti diperuntukan di bawah Peraturan 25(7) dan 25(8) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016.

JADUAL 19

Penentuan Gaji Permulaan Tahun 2020 berbanding tahun 2019

BIL.	URUSAN	2020	2019
1	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta dan awam mengikut peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016	24	20
2	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut peraturan 25(7) dan 25(8), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2016	7	10
3	Pegawai yang mengikut Pekelingiling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2011, Dasar dan Prosedur Pelantikan Bekas Tentera ke Dalam Perkhidmatan Awam di para 7,8(b) dan (c)	-	1
JUMLAH		31	31



Jadual 20 menunjukkan kelulusan Penentuan Gaji Permulaan mengikut Skim Perkhidmatan bagi tahun 2020.

JADUAL 20

Penentuan Gaji Permulaan Bagi Tahun 2020

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1	Pegawai Hal Ehwal Islam	S41	4
2	Pegawai Tadbir	N41	8
3	Pegawai Syariah	LS41	1
4	Penghulu	NP29	1
5	Penolong Pegawai Tanah	NT29	1
6	Penolong Pegawai Tadbir	N29	2
7	Penolong Jurutera (Mekanikal)	JA29	3
8	Penolong Pegawai Pertanian	G29	1
9	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19	8
10	Pemandu Kenderaan	H11	2
JUMLAH			31

PERTUKARAN

Urusan pertukaran yang melibatkan Suruhanjaya adalah termasuk:

PERTUKARAN PERKHIDMATAN

Pertukaran seseorang pegawai dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan di dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa SPAJ. Tiada urusan pertukaran perkhidmatan bagi tahun 2020.

PERTUKARAN PELANTIKAN ATAS PERMOHONAN SENDIRI

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain di tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan. Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016 (berkuatkuasa mulai 15 Februari 2017). Bagi tahun 2020, Suruhanjaya telah meluluskan satu (1) permohonan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dari Perkhidmatan Awam Persekutuan ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor.



URUSAN NAIK PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB





PENGENALAN

Seksyen 11, Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri 1959 memperuntukkan antara lain fungsi Suruhanjaya adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan awam negeri Johor.

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan berikut:

1. Setiausaha Kerajaan Johor
2. Pegawai Kewangan Negeri Johor

Pada tahun 2020 tiada urusan yang melibatkan kenaikan pangkat bagi jawatan-jawatan utama.

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Pada tahun 2020 tiada urusan yang melibatkan Rayuan Kenaikan Pangkat.

KAWALAN TATATERTIB

Berdasarkan peruntukan undang-undang khususnya Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor 1993, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pindaan) 2003 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan Dan Tatatertib) (Pindaan) 2015, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib Negeri Johor. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai pihak berkuasa tatatertib bagi kes-kes tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Sepanjang tahun 2020, tiada kes melibatkan tindakan tatatertib yang dipertimbangkan suruhanjaya.

RAYUAN TATATERTIB

Berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Perkhidmatan Awam Johor bagi menimbangkan rayuan yang melibatkan Pegawai.

Sepanjang tahun 2020 suruhanjaya telah memutuskan 6 kes rayuan tatatertib berbanding 8 kes rayuan pada tahun 2019. Maklumat lanjut urusan Lembaga Rayuan Tatatertib SPAJ sepanjang tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah sebagaimana Jadual 21.

JADUAL 21

Kes Rayuan Tatatertib Tahun 2020 Berbanding Tahun 2019

BIL	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN 2020	TAHUN 2019
1.	Kumpulan Pelaksana	6	8

Jadual 22 menunjukkan keputusan Rayuan Tatatertib Perkhidmatan awam bagi tahun 2020 berbanding 2019.

JADUAL 22

Keputusan Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Bagi Tahun 2020 Berbanding 2019

BIL.	PERKARA	TAHUN 2020	TAHUN 2019
1.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula.	-	-
2.	Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib	6	8
3.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salahlaku perayu tapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan.	-	-
4.	Mengakaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu	-	-
JUMLAH		6	8



MESYUARAT SURUHANJAYA





MESYUARAT SURUHANJAYA

Pada tahun 2020, negara telah mengalami penularan wabak Covid-19, walau bagaimanapun Suruhanjaya telah mengadakan 10 kali Mesyuarat Suruhanjaya sama ada secara bersemuka atau secara atas talian. Sebanyak 161 kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 16 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Selain itu, selaku Pihak Berkuasa Melantik yang memiliki bidang kuasa menimbang rayuan kenaikan pangkat, bagi tahun 2020 tiada permohonan diterima bagi Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam. Suruhanjaya juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang telah bersidang sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun 2020 dan telah menimbang sebanyak enam (6) kertas pertimbangan rayuan tatatertib.

Bilangan mesyuarat yang diadakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2020 adalah seperti Jadual 23 berikut:

JADUAL 23

Bilangan Mesyuarat oleh Suruhanjaya

BIL.	BUTIRAN	JUMLAH
1.	Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor	10
2.	Mesyuarat Khas	1
3.	Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam	2
JUMLAH		13



LAPORAN PERBELANJAAN



PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2020

PERUNTUKAN TANGGUNGAN T.02

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Tanggungan T.02 sebanyak RM 645,000.00 termasuk tambahan peruntukan bagi menampung perbelanjaan yang melibatkan Ahli-Ahli Suruhanjaya. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak RM 303,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM 325,000.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, dan RM 17,000.00 untuk aset. Prestasi keseluruhan T.02 bagi tahun 2020 adalah 69.25% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 446,645.47

Rumusan peruntukan Tanggungan T.02 bagi tahun 2020 ditunjukkan seperti di Rajah 1 dan 2:


Rajah 1

Prestasi Perbelanjaan T.02 Tahun 2020

BIL	PERKARA	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
1	ASET	15,223.00	2.36
2	EMOLUMEN	262,811.18	40.75
3	PERKHIDMATAN & BEKALAN	168,611.29	26.14
JUMLAH		446,645.47	69.25

Rajah 2

Perbelanjaan Keseluruhan T.02 Tahun 2020



PERUNTUKAN BEKALAN B.01

Pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah menerima kelulusan peruntukan di bawah maksud Bekalan B.01 sebanyak RM1,259,000.00 pada tahun 2020 untuk perbelanjaan pentadbiran Jabatan dengan peruntukan emolumen anggota adalah sebanyak RM923,700.00, RM298,900.00 untuk perkhidmatan dan bekalan, manakala aset sebanyak RM30,000.00 dan RM6,400.00 untuk pemberian & kenaan tetap. Prestasi keseluruhan B.01 bagi tahun 2020 adalah 97.91% dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,232,635.26.

Rumusan peruntukan Bekalan B.01 bagi tahun 2020 ditunjukkan seperti di Rajah 1 dan 2:

Rajah 1

Prestasi Perbelanjaan B.01 Tahun 2020





BIL	PERKARA	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
1	ASET	29,861.00	2.37
2	EMOLUMEN	909,795.15	72.26
3	PERKHIDMATAN & BEKALAN	290,813.38	23.10
4	PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP	2,165.73	0.17
JUMLAH		1,232,635.26	97.91


Rajah 2

Perbelanjaan Keseluruhan B.01 Tahun 2020

PETUNJUK :

- PERUNTUKAN DITERIMA
- PERBELANJAAN
- BAKI





PENGURUSAN MAKLUMAT





PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bertanggungjawab memberi dan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT kepada bahagian / unit di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ).

Cabarannya krisis pandemik COVID-19 di negara, BPM memainkan peranan dalam memanfaatkan teknologi ICT dan teknologi mudah alih sewaktu krisis COVID-19. Beberapa inisiatif aplikasi telah dibangunkan bagi membolehkan suruhanjaya menjalankan fungsinya walaupun di waktu krisis yang menghadkan jumlah pekerja dalam sesuatu masa.

OBJEKTIF

"Menjana perkhidmatan yang terbaik dan cekap melalui penggunaan ICT, merancang, membangun dan mengurus infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi suruhanjaya dengan berkesan bagi meningkatkan tahap kecekapan suruhanjaya dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat."

Objektif ini dibentuk selaras dengan fungsi suruhanjaya dan fungsi-fungsi utama bahagian ini yang merangkumi Pengurusan Sistem-sistem Aplikasi, Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan dan Pengurusan Peralatan ICT.

FUNGSI

Fungsi-fungsi utama bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Pembangunan Aplikasi & Pangkalan Data


- a) Merancang, membangun dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi, multimedia dan portal suruhanjaya berlandaskan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (MAMPU).
- b) Membangun dan menyelenggara Portal Rasmi Jabatan.
- c) Mewujudkan persekitaran kerja baik dengan pembudayaan ICT.
- d) Mewujudkan dan menyelenggara pengkalan data yang selamat.
- e) Menyediakan khidmat nasihat dalam bidang ICT.

2. Sokongan & Operasi

- a) Menyediakan kemudahan infrastruktur yang boleh dipercayai dan selamat.
- b) Mengurus Penyenggaraan Komputer (PC), Komputer Riba, Pencetak, Server dan peralatan yang ada hubungan dengannya.
- c) Mengurus LAN dan Internet di jabatan dan pusat-pusat temu duga di daerah
- d) Mengurus dan menyelenggara Web-Mail – emel Rasmi SPAJ.
- e) Mengurus dan menyelenggara salinan (backup) data harian. Tugas melibatkan sandaran bagi semua komputer pelayan yang terdapat di jabatan.
- f) Memantau dan mengawalselia bilik komputer pelayan (server) dalaman (Intranet System). Tugasan melibatkan pemantauan pengoperasian pelayan (server) dan peralatan penghawa dingin.




RUMUSAN AKTIVITI OPERASI 2020



PELAKSANAAN KERAJAAN ELEKTRONIK

BPM-SPAJ terlibat secara umumnya dalam melaksanakan sistem-sistem di bawah projek di bawah projek Kerajaan Elektronik di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Infrastruktur dan aplikasi adalah dua perkara yang perlu diambil kira bagi memastikan setiap projek kerajaan elektronik berjaya dilaksanakan. BPM-SPAJ juga berkerjasama dengan pihak yang terlibat sekiranya timbul sebarang masalah di antara pengguna dan sistem tersebut.

Jadual dibawah menunjukkan senarai sistem mengikut tanggungjawab bahagian di suruhanjaya, jabatan/ agensi (*Owner of the system*) dan pembekal (*Developer*) bagi pelaksana sistem-sistem tersebut:




PORTAL RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR (SPAJ)

Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor telah dibangunkan pada tahun 2007 dan melalui proses transformasi dari segi teknologi dan antara muka pengguna (User Interface) bagi merealisasikan hasrat suruhanjaya untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Portal yang boleh diakses pada url <http://spaj.johor.gov.my> merupakan pendekatan di mana orang ramai boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran melalui satu capaian. Bagi memudahkan orang ramai, portal ini disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Portal ini terbahagi kepada dua (2) jenis portal iaitu Portal Internet untuk capaian orang awam dan Portal Intranet untuk capaian warga suruhanjaya.

PORTAL INTERNET


Portal Internet mengandungi maklumat profil suruhanjaya seperti sejarah, visi, misi, objektif, fungsi. Dasar, moto, piagam pelanggan, carta organisasi, peta lokasi dan direktori warga suruhanjaya.



PORTAL INTRANET


Portal Intranet adalah dikhaskan kepada warga suruhanjaya dimana pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan dengan menggunakan teknologi internet. Portal ini merupakan satu laluan masuk untuk mencapai semua sistem aplikasi dengan hanya memasukkan nama pengguna dan kata laluan sekali sahaja (single sign on).

Antara aplikasi yang terdapat di portal ini adalah seperti berikut:



STATISTIK PELAWAT


PORTAL RASMI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR (MENGIKUT TUJUAN)



Sumber Maklumat :




STATISTIK FACEBOOK & TWITTER MEDIA PENYIARAN MAKLUMAT



Sumber Maklumat :



LAPORAN KEPUTUSAN SEMAKAN eTAPIS ADALAH TAPISAN KEUTUHAN MELALUI 7 AGENSI (SPRM / JPA / INSOLVENSI / JPN / PDRM / CGSO / AADK) BERKAITAN SEMAKAN KEWARGANEGARAAN, BANKRUP, REKOD JENAYAH, RASUAH, DADAH, TATATERTIB BUANG KERJA BAGI TUJUAN URUSAN PELANTIKAN



Pemandu Kenderaan Gred H11	Pelukis Pelan Gred JA19	Penolong Senibina Gred JA29	Penolong Jurutera Gred JA29	Pengawas Hutan Gred G29	Penolong Pemelihara Hutan Gred G29	Pembantu Veterinar Gred G19
Disemak	100	7	19	103	32	33
Selesai	0	0	0	103	32	33

■ Disemak ■ Selesai

AKTIVITI SURUHANJAYA



AMANAT SETIAUSAHA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR DAN IKRAR PENJAWAT
AWAM DIADAKAN PADA 05 JANUARI 2020





INSPEKTORAT PEMATUHAN
KESELAMATAN
PERLINDUNGAN OLEH
PEJABAT KETUA
KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA (CGSO)
PADA 08 JANUARI 2020



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
JAWATAN PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29
DAN PEMBANTU VETERINAR GRED G19 PADA
09 JANUARI 2020 DI PUSAT TEMU DUGA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR



AMANAT DATO' PENGURUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JOHOR PADA 30 JANUARI 2020



KARNIVAL KERJAYA ANJURAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA DI
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN, PASIR GUDANG PADA 15 FEBRUARI 2020







HARI Q SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR PADA 19 FEBRUARI 2020



MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(KEWANGAN) GRED W19 DI PUSAT TEMU DUGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 24 FEBRUARI 2020




SANITASI COVID-19 DI BANGUNAN DATO' ABDUL RAHMAN ANDAK OLEH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PADA 10 APRIL 2020





MAJLIS KHAMAT AL QURAN KAKITANGAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 21 MEI 2020



'LUNCHEON TALK' BERSAMA YB DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR
PADA 21 JUN 2020 DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR




MAJLIS LAMBAIAN KASIH SEINDAH MEMORI DAN
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019 PADA 25 OGOS 2020



PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29
DIADAKAN SERENTAK DI DAERAH
JOHOR BAHRU, KLUANG DAN TANGKAK
PADA 19 SEPTEMBER 2020



LAWATAN TAPAK BAGI PROGRAM PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI TADBIR
NEGERI JOHOR DI IKWAS, KLUANG PADA 22 SEPTEMBER 2020



PERKONGSIAN STRATEGIK SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR BERSAMA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU
PADA 29 SEPTEMBER 2020



UJIAN PEMANDUAN JAWATAN PEMANDU KENDERAAN GRED H11 DENGAN KERJASAMA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)
PADA 09 - 14 SEPTEMBER 2020





BENGKEL PENGGUBALAN MODUL PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR PADA 03 NOVEMBER 2020 DI HOLIDAY VILLA HOTEL



PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR DENGAN KERJASAMA
AKADEMI PERKHIDMATAN TADBIR NEGERI JOHOR DI IKWAS, KLUANG
PADA 18-22 OKTOBER 2020



**MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN PELANTIKAN
PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29, PENOLONG JURUTERA (AWAM) GRED JA29,
PENOLONG PEGAWAI SENIBINA GRED JA29, PENGAWAS HUTAN GRED G19 DAN
PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA19
PADA 13 DISEMBER 2020**





SANITASI COVID-19 OLEH PIHAK COWAY MALAYSIA
DI PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR
PADA 13 DISEMBER 2020




PEMBENTANGAN LAPORAN PENILAIAN KHAS KEMASUKAN PEGAWAI TADBIR NEGERI JOHOR
KEPAD A PENGARAH AKADEMI PERKHIDMATAN TADBIR NEGERI JOHOR
PADA 13 DISEMBER 2020



LAWATAN TAPAK KE SEKOLAH MENENGAH TINGGI ARAB (MAAHAD JOHOR)
BAGI PELAKSANAAN TEMU DUGA ONLINE JAWATAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29 PADA 13 DISEMBER 2020



**TEMU DUGA ONLINE JAWATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG29
DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM JOHOR DAN MAAHAD JOHOR
PADA 13 DISEMBER 2020**





PENGHARGAAN





PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan serta semua pihak atas kerjasama erat yang diberikan sepanjang tahun 2020.

Suruhanjaya juga merakamkan penghargaan atas segala khidmat setia, baik, cekap dan efisien serta dedikasi yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan SPAJ dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak,
Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim**

**Tel : 07-2666422/23
Faks : 07-2909890/91
Website : <http://spaj.johor.gov.my>
Emel : spaj@johor.gov.my**



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor
Aras 3, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak,
Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim

Tel : 07-2666422/23
Faks : 07-2909890/91
Website : <http://spaj.johor.gov.my>
Emel : spaj@johor.gov.my